

Kajian Terhadap Kebolehgunaan (Usability) Sistem Zakat dalam Talian di Malaysia: Pendekatan Psikometrik

Nurwahida Fuad

*Jabatan Pengurusan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
Emel: wahida.fuad@ppinang.uitm.edu.my*

Abdul Manaf Bohari

*Kolej Perniagaan UUM
Universiti Utara Malaysia, Kedah
Emel: manafdr@uum.edu.my*

ABSTRACT

In the early 1990s, an online zakat system was developed in Malaysia. Online zakat systems development has made zakat management agency more efficient and allowed it to perform its duties regardless of time, location, and situation. Nevertheless, the usability of online zakat system has not yet been fully assessed. Consequently, the issue of how user friendly the system is has arisen. The main objective of this study is to assess the usability of the online zakat system throughout Malaysia. This is an exploratory study and the instrument used is adapted from Lewis psychometric tests (1995). The psychometric testing instrument contains 19 items with a Likert scale of 7 points. In the study, one hundred respondents took part in the implementation of the psychometric tests and 14 online zakat websites were investigated. Generally, the results showed that the overall mean score for the 14 online zakat websites was 5.84. The highest mean score was obtained by the zakat system which was implemented by Selangor (6.60), followed by Federal Territory (6.45), Penang (5.82) and Sabah (5.65). In addition, the research also indicated that a low mean score was obtained by several online zakat systems. Among them were the online zakat systems of Perak (3.79), Kedah (3.56) and Terengganu (3.84).

ISSN 1675-7939

© 2010 Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia.

The study also offers some suggestions on how to enhance the usability of online zakat system which will reinforce its usability especially among new users.

ABSTRAK

Sejajar dengan perkembangan zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sistem zakat dalam talian telah dibangunkan di Malaysia seawal tahun 1990-an. Pembangunan sistem zakat dalam talian ini telah menjadikan agensi atau jabatan pengurusan zakat lebih efisien dan mampu berfungsi tanpa mengira masa, lokasi, dan situasi. Namun demikian, tahap kebolehgunaan sistem zakat dalam talian masih belum dinilai secara sepenuhnya sekaligus mewujudkan persoalan mengenai sejauh manakah sistem zakat tersebut mudah diguna dan dikendali oleh para pengguna sistem. Jadi, objektif utama kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kebolehgunaan sistem zakat dalam talian yang digunapakai di negeri-negeri di Malaysia. Reka bentuk penyelidikan yang dipilih adalah kajian penerokaan dan instrumen kajian yang diguna pakai adalah adaptasi daripada item ujian psikometrik oleh Lewis (1995). Instrumen ujian psikometrik ini mengandungi 19 item dengan skala pengukuran berbentuk likert 7 titik. Dalam pada itu, seratus orang responden telah mengambil bahagian dalam pelaksanaan ujian psikometrik ini dan melibatkan 14 sampel laman web zakat dalam talian. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa skor min item keseluruhan bagi 14 sistem zakat dalam talian adalah 5.84. Sungguhpun demikian, skor min tertinggi diperolehi oleh sistem zakat Selangor (6.60), diikuti oleh sistem zakat Wilayah Persekutuan (6.45), sistem zakat Pulau Pinang (5.82), sistem zakat Sabah (5.65) dan sebagainya. Manakala, skor min rendah, antaranya diperolehi oleh sistem zakat Perak (3.79), sistem zakat Kedah (3.56) dan sistem zakat Terengganu (3.84). Untuk itu, cadangan-cadangan dikemukakan bagi mempertingkatkan tahap kebolehgunaan sistem zakat dalam talian sekaligus memantapkan penggunaan sistem tersebut, khususnya para pengguna baru.

Kata kunci: *Kebolehgunaan Sistem, Sistem Zakat dalam talian, Pendekatan Psikometrik*